

03/04/2002

DR Group labur RM3 juta naik taraf kedai bebas cukai

DR Group Holdings Sdn Bhd (DR Group Holdings), sebuah syarikat milik penuh Bumiputera, melabur kira-kira RM3 juta bagi menaik taraf kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL).

Dikenali sebagai Sky Mall, kedai bebas cukai itu kini menawarkan kemudahan beli-belah dengan konsep terbuka.

Ia akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini,

Pengarah Urusan DR Group Holdings, Datuk Dahlan Rashid, berkata berbeza dengan kaedah jualan sebelum ini, iaitu 30 peniaga menjalankan perniagaan secara berasingan di LTAL, kini mereka bergabung di bawah satu bumbung dengan diterajui DR Group Holdings.

Mula bertapak di Langkawi sebelum pulau itu diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1987, DR Group Holdings bergiat aktif dalam bidang perdagangan dan pengurusan rangkaian kedai bebas cukai di lapangan terbang seluruh negara.

"Tarikan utama pengunjung ke kedai kami ialah minyak wangi, kerana pelbagai minyak wangi berjenama dijual di sini.

"Malah, premis menjual minyak wangi di sini merangkumi kawasan 2,500 kaki persegi adalah yang terbesar di utara.

"Barangan berjenama seperti kasut Bailey juga boleh didapati di Sky Mall dengan harga yang dijamin paling rendah berbanding kedai bebas cukai lain," kata Dahlan pada sidang akhbar di Langkawi.

Sky Mall yang memulakan operasinya 15 Januari lalu diuruskan empat anak syarikat DR Group Holdings, iaitu Jetty Point Colours and Fragrances Sdn Bhd dan Multi Trading & Supply Sdn Bhd dan Chocolate Sales and Supply Sdn Bhd.

(END)